

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 20 MEI 2015

RUJUKAN : 7866

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) tindakan dan reaksi Kerajaan terhadap kecaman yang diberikan oleh Kerajaan Amerika Syarikat, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kesatuan Eropah (EU) dan Inter-Parliamentary Union (IPU) terhadap pindaan Akta Hasutan; dan
- (b) jumlah tangkapan dan dakwaan yang telah dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Hasutan dari 2010-2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan telahpun menghantar jawapan balas terhadap Kenyataan Media tersebut kepada Kementerian Luar Negeri dan seterusnya melalui Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Geneva pada 17 April 2015 mengenai keperluan Kerajaan Malaysia untuk membuat pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b), sejak tahun 2010 sehingga 2014 sebanyak 23 tangkapan dan dakwaan dibuat di bawah Akta Hasutan 1948.